

Bahagian A
[60 markah]
Jawab semua soalan.

- (a) Penyata Kewangan boleh difahami oleh pengguna penyata kewangan dan mesti disediakan dalam tempoh yang ditetapkan. [2 markah]
Nyatakan dua ciri kualitatif Penyata Kewangan berkenaan.

- (b) Apakah kesan urus niaga berikut kepada persamaan perakaunan?

Pemilik membayar sewa kedai RM1 000 dengan menggunakan cek peribadi.

[2 markah]

- (c) Nyatakan dua tujuan kawalan tunai dalam sesebuah perniagaan. [2 markah]

- (d) Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Kedai Molek.

	RM
Inventori pada 1 Julai 2022	12 000
Inventori pada 31 Julai 2022	24 000
Kos jualan	72 000

Hitung Kadar Pusing Ganti Inventori.

[2 markah]

- (e) Rekod keahlian Kelab Memanah Tepat menunjukkan maklumat berikut.

Bilangan ahli	320 orang
Yuran tahunan setiap ahli	RM80
Yuran ahli belum terima pada akhir tempoh perakaunan	RM400

Hitung jumlah yuran tahunan.

[2 markah]

- 2 Yana dan Shimah merupakan pekongsi bagi Perkongsian YS.

Ikatan perkongsian adalah seperti berikut:

- (i) Faedah atas ambilan ialah 6% setahun.
- (ii) Faedah atas modal ialah 10% setahun.
- (iii) Faedah atas pinjaman 8% setahun.
- (iv) Gaji Yana RM800 sebulan.
- (v) Pembahagian untung atau rugi adalah mengikut nisbah modal.

Maklumat berikut diambil daripada Perkongsian YS pada 31 Disember 2021.

Perkongsian YS
Imbangan Duga pada 31 Disember 2021

	Debit RM	Kredit RM
Untung kasar		56 202
Kadar bayaran	2 028	
Gaji	31 200	
Sewa kedai	7 700	
Insurans	4 200	
Peruntukan Hutang Ragu		375
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	7 900	4 106
Bank	9 535	
Kenderaan	80 000	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan		12 000
Pinjaman Yana		10 000
Akaun Modal:		
Yana		40 000
Shimah		20 000
Akaun Semasa:		
Yana		2 510
Shimah	930	
Ambilan Yana (1 Julai 2021)	500	
Ambilan Shimah (1 September 2021)	1 200	
	145 193	145 193

Maklumat tambahan:

- (i) Gaji yang dibayar termasuk gaji pekongsi. Gaji Yana telah dibayar untuk 9 bulan.
- (ii) Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 10% mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iii) Peruntukan Hutang Ragu diselaraskan pada kadar 3% atas Akaun Belum Terima.
- (iv) Bayaran sewa kediaman Yana RM500 pada 1 Julai 2021 tersilap rekod dalam sewa kedai.
- (v) Insurans tahunan dibayar mulai 1 Mac 2021.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. [7 markah]
- (b) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2021. [6 markah]
- (c) Akaun Semasa setiap pekongsi. [9 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021. [3 markah]
(Bahagian Ekuiti Pemilik sahaja).

3

Cik Juwita, seorang peniaga yang tidak menyimpan rekod perakaunannya mengikut sistem catatan bergu. Maklumat berikut diperolehi daripada Juwita Manis Enterprise bagi tahun berakhir 30 September 2022.

	1 Oktober 2021	30 September 2022
	RM	RM
Kenderaan	80 000	80 000
Alatan pejabat	16 500	17 850
Inventori	9 870	6 880
Akaun Belum Terima	4 670	7 540
Sewa prabayar	-	500
Komisen belum terima	220	180
Gaji belum bayar	800	1 600

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Dis. RM	Tunai RM	Bank RM	Tarikh	Butir	Dis. RM	Tunai RM	Bank RM
2021 Okt. 1	Baki b/b		850	12 700	2022 Sep. 30	Insurans			1 800
2022 Sep. 30	Jualan		13 500	19 650		Alatan pejabat			3 000
	Akaun Belum Terima	250		14 860		Kadar bayaran		120	900
	Komisen			2 320		Sewa			6 500
	Tunai (k)			11 000		Belian		1 300	8 700
						Bank (k)		11 000	
						Gaji			10 000

Maklumat tambahan:

- (i) Ambilan barang niaga RM350 belum direkodkan.
- (ii) Cek RM900 yang dikeluarkan untuk membayar kadar bayaran termasuk RM450 untuk kadar bayaran kediaman.
- (iii) Susut nilai kenderaan dikira pada kadar 10% setahun atas kos.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kawalan Belum Terima. [4 markah]
- (b) Penyata Mengira Modal pada 1 Oktober 2021. [3 markah]
- (c) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2022. [12 markah]
- (d) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2022. [6 markah]

Tahun	Jan	Feb	Mar	Apr	Mei	Jun	Jul	Agst	Sep	Okta	Nov	Dis	Jumlah
2021													
2022													
2023													
2024													
2025													
2026													
2027													
2028													
2029													
2030													
2031													
2032													
2033													
2034													
2035													
2036													
2037													
2038													
2039													
2040													

Bahagian B**[40 markah]***Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.*

- (a) Puan Mastura bercadang untuk membuka Kedai Jahit Mastura di Gombak, Selangor. Pada 1 Januari 2022, beliau telah membawa masuk modal permulaan yang terdiri daripada:

	RM
Lengkapan	25 000
Tunai di tangan	500
Tunai di bank	10 000

Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi Kedai Jahit Mastura adalah seperti berikut.

- (i) Hasil daripada perkhidmatan menjahit bagi bulan Januari 2022 ialah RM22 000. Hasil ini dijangka meningkat 15% setiap bulan.
- (ii) Jumlah belian bahan menjahit pada bulan Januari 2022 ialah RM5 000. Belian dijangka meningkat 10% setiap bulan. 60% daripada belian bahan menjahit dibayar secara tunai dan bakinya akan dijelaskan pada bulan berikutnya.
- (iii) Anggaran belanja utiliti bagi bulan Januari 2022 ialah RM2 500. Belanja utiliti dijangka meningkat 4% setiap bulan. Bil utiliti untuk bulan semasa akan dijelaskan pada bulan berikutnya.
- (iv) Sewa bulanan kedai RM1 800 dibayar pada awal setiap suku tahun.
- (v) Puan Mastura dibantu oleh tiga orang pekerja yang dibayar gaji bulanan sebanyak RM1 500 seorang. Pada bulan Mac 2022, beliau bercadang menaikkan gaji dua orang pekerjaanya sebanyak 20%.

Anda dikehendaki menyediakan Belanjawan Tunai Kedai Jahit Mastura bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2022.

[13 markah]

- (b) Kedai Runcit Azman beroperasi di Klang, Selangor. Petikan Imbangan Duga berikut adalah berkaitan dengan kenderaan milik perniagaannya.

Kedai Runcit Azman
Imbangan Duga pada 30 April 2022 (Petikan)

	RM	RM
Kenderaan (kos)	58 000	
Susut Nilai Terkumpul Kenderaan (1 Mei 2021)		11 020

Maklumat tambahan:

- (i) Kenderaan disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (ii) Pada 30 April 2022, kenderaan dijual secara tunai pada harga RM45 000.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Kenderaan. [1 markah]
- (b) Akaun Susut Nilai Terkumpul Kenderaan. [2 markah]
- (c) Akaun Pelupusan Kenderaan. [2 markah]
- (d) Catatan dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 April 2022. [2 markah]

- 5 (a) Puan Norlida, pemilik Norlida Entrepreneur adalah pengeluar perabot tradisional. Maklumat berikut diperolehi daripada buku Norlida Entrepreneur bagi tahun berakhir 30 Jun 2022.

	RM
Inventori 1 Julai 2021:	
Bahan langsung	7 810
Kerja dalam proses	2 022
Alat-alat kecil	210
Belian bahan langsung	48 123
Pulangan belian bahan langsung	280
Angkutan masuk	300
Buruh langsung	10 880
Royalti	5 000
Gaji penyelia kilang	3 121
Kadar bayaran	1 400
Belian alat-alat kecil	740
Angkutan keluar	125
Diskaun diberi	330
Komisen jualan	1 050
Iklan	500
Bank	38 108
Modal	50 000
Mesin (kos)	21 000
Jualan barang siap	95 700
Susut nilai terkumpul mesin	3 990

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 30 Jun 2022:

	Harga Pasaran	Harga Kos
	RM	RM
Bahan langsung	6 030	7 000
Kerja dalam proses		1 925
Alat-alat kecil		180

- (ii) Mesin disusutnilaikan 10% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.
- (iii) Kadar bayaran dibahagikan antara kilang 70% dan pejabat 30%.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Kos Pengeluaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2022. [10 markah]

- (b) Murid-murid SMK Ampang Murni akan menyemai cendawan sebagai aktiviti *Project Base Learning* dalam program sekolah TS25. Kos yang akan terlibat dalam menghasilkan 2 000 paket cendawan adalah seperti berikut.

	RM
Jumlah kos	10 000
Kos tetap	5 000
Jumlah Jualan	15 000

Anda dikehendaki menghitung:

- (i) Kos berubah seunit. [2 markah]
- (ii) Titik Pulang Modal dalam paket. [2 markah]
- (iii) Keuntungan atau kerugian jika menghasilkan 2 000 paket. [2 markah]
- (iv) Unit yang perlu dikeluarkan untuk memperoleh untung sasaran RM10 000. [2 markah]
- (v) Titik Pulang Modal dalam paket yang baru sekiranya kos berubah seunit meningkat kepada RM3.50 seunit. [2 markah]

- 5 (a) Duke Enterprise merupakan sebuah perniagaan yang menjual barangan logam. Baki Akaun Bank perniagaannya pada 1 April 2022 ialah RM15 460. Berikut adalah urus niaga yang melibatkan tunai di bank perniagaannya sepanjang bulan April 2022.

Tarikh	Butir	No. Cek	Jumlah
2022			RM
April 2	Belian	118134	2 040
3	Jualan tunai (dibankkan)		800
4	Akaun Belum Bayar : Sofie	118135	480
8	Akaun Belum Terima : Marion		940
10	Tunai dibankkan		1 500
14	Akaun Belum Terima : Mukhriz – cek diterima untuk menjelaskan baki hutang RM2 150		2 100
19	Akaun Belum Terima : Rizqi		1 335
25	Akaun Belum Bayar : Mikael (diskaun RM80)	118136	500
28	Gaji	118137	2 140

Anda dikehendaki menyediakan Buku Tunai (ruangan Bank sahaja) di Lampiran A untuk merekod semua urus niaga bagi bulan berkenaan. [10 markah]

- (b) Pada 10 Mei 2022, Duke Enterprise telah menerima Penyata Bank bagi bulan berakhir 30 April 2022.

CIMD Bank Penyata Bank <div style="text-align: right;">No Akaun: 2644132108 Tarikh: 30 April 2022</div>					
Kepada: Duke Enterprise					
Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2022			RM	RM	RM
Apr. 1	Baki b/b				17 280
2	Cek	118133	1 820		15 460
3	Deposit			800	16 260
5	Cek	118134	2 040		14 220
10	Deposit			1 500	15 720
11	Cek	118135	840		14 880
14	Faedah atas simpanan tetap			280	15 160
19	Buku cek		50		15 110
23	Deposit			1335	16 445
26	Caj bank		80		16 365
30	Cek	118137	2 140		14 225

Maklumat tambahan:

- (i) Cek yang diterima pada 14 April 2022 dipulangkan oleh bank dengan tanda 'Rujuk Penyuruh Bayar'.
- (ii) Cek bernombor 118135 dikenal pasti berlaku kesilapan.

Berdasarkan jawapan anda di 6(a), anda dikehendaki:

- (i) Mengemaskini Buku Tunai. [6 markah]
- (ii) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 April 2022. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT